

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HGT 211 Teknik-Teknik Dalam Geografi

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN [9] SOALAN DI
DALAM EMPAT [4] HALAMAN.

Jawab TUJUH [7] soalan. SEMUA LIMA [5] soalan daripada
Bahagian A dan SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian B dan
C.

BAHAGIAN A - Jawab SEMUA soalan

1. [a] Apakah morformetri fluvial? [2 markah]
[b] Jelaskan bentuk asas sesuatu pandang darat akibat
daripada hakisan fluvial. [3 markah]
2. [a] Apakah kesalingnampakan? [2 markah]
[b] Terangkan cara-cara yang berbeza untuk menentukan
kesalingnampakan. [3 markah]
3. [a] Bincangkan kelebihan dan kelemahan kerja ukur
menggunakan rantai. [4 markah]
[b] Mengapakah garisan semak diperlukan dalam tiap-tiap
kerja ukur menggunakan rantai? [3 markah]
[c] Mengapakah tikaian linear wujud dalam kerja ukur
menggunakan kompas berprizam kering? [3 markah]

.../2

4. Huraikan persembahan data mengikut peringkat nominal dan interval. [10 markah]
5. Huraikan kartografi sebagai sistem komunikasi. [10 markah]

BAHAGIAN B - Jawab SATU [1] soalan

6. Berdasarkan kepada peta topografi Malaysia, 1:63,360, Siri L7010, Lembar 38 Kuala Trengganu, jawab soalan-soalan berikut:
- [a] Dengan menggunakan kaedah matematik atau grafik, tentukan bereng grid, bereng magnet dan bereng benar masjid di Pulau Duyong Kechil (R.G. 705902) dari Pulau Wau (R.G. 663864). [3 markah]
- [b] Kirakan masa yang diambil oleh sebuah sampan dengan kelajuan purata 4 knot/jam untuk sampai melalui jarak yang terdekat sekali di antara masjid di Pulau Duyong Kechil dengan Pulau Wau. [3 markah]
- [c] Huraikan ciri-ciri pinggir pantai yang terdapat dalam peta. [5 markah]
- [d] Bincangkan pengaruh relief dan saluran ke atas taburan tanaman yang terdapat dalam peta. [8 markah]
- [e] Sejauh manakah taburan petempatan dalam peta dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi. [6 markah]
- [f] Bincangkan faktor yang mempengaruhi pola jaringan pengangkutan yang terdapat dalam peta. [5 markah]

7. Jadual 1 ialah hasil kerja ukur menggunakan kaedah trabas tertutup menggunakan kompas berprizam kering. Berdasarkan jadual tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

Jadual 1

Garisan	Bacaan yang dicerap	Jarak (Meter)
AB	22	40
BA	201	
BC	81	50
CB	260	
CD	173	152
DC	353	
DE	246	115
ED	67	
EA	312	75
AE	135	

- [a] Mengapakah wujud perbezaan bacaan yang dicerap antara bereng hadapan dengan bereng belakang?
[2 markah]
- [b] Betulkan berbezaan bacaan yang wujud antara bacaan hadapan dengan bacaan belakang.
[10 markah]
- [c] Plotkan bereng-bereng yang sudah dibetulkan dengan menggunakan skala yang sesuai.
[8 markah]
- [d] Apakah wujud tikaian linear dalam plotan anda? Jika ada, bagaimanakah tikaian linear tersebut dapat diselesaikan.
[10 markah]

BAHAGIAN C - Jawab SATU [1] soalan

8. [a] Bincangkan bagaimana data geografi diwakilkan dalam pemetaan berkomputer. [15 markah]
- [b] Bincangkan perbezaan antara pemetaan berkomputer dengan sistem maklumat geografi. [15 markah]
9. [a] Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan bagaimana pola dalam satu peta koroplet dipengaruhi oleh bilangan kumpulan dan cara menentukan jeda kelas daripada data asas yang diberikan. [15 markah]
- [b] Dengan merujuk kepada Jadual 2, gunakan Kaedah Strugi untuk menentukan jeda kelas, jumlah kelas dan aturkan nilai-nilai penduduk ke dalam kelas masing-masing. [15 markah]

Jadual 2

Penduduk Negeri-Negeri Di Semenanjung Malaysia 1991

Negeri	Jumlah Penduduk
Johor	2,074,297
Kedah	1,304,800
Kelantan	1,181,680
Melaka	504,502
Negeri Sembilan	691,150
Pahang	1,036,724
Pulau Pinang	1,880,016
Perak	1,065,075
Perlis	184,070
Selangor	2,289,236
Terengganu	770,931
Kuala Lumpur	1,145,075

Sumber: Jab. Perangkaan Malaysia, 1992.